



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	21/10/2012

# Tindakan tepat sekat ahli sabotaj: Pak Lah

BA-21/10/2012

**Kepala Batas:** Tun Abdullah Ahmad Badawi meminta setiap ahli UMNO dan Barisan Nasional (BN) menunjukkan taat setia kepada parti, faktor yang akan memberi kelebihan kepada BN ketika menghadapi Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU-13) nanti.

Sehubungan itu, bekas Perdana Menteri berkata, pembentukan jawatankuasa khas

UMNO bagi memantau dan mengambil tindakan terhadap mana-mana ahli yang melakukan sabotaj ke atas parti serta calon BN pada PRU-13 adalah langkah terbaik dan sesuatu yang penting.

“Sesebuah parti sememangnya mahu anggotanya patuh dan setia. Ini bermakna suatu hari nanti apabila sampai masanya kita hadapi pilihan raya

umum, tentu sekali kita mengharapkan semua ahli akan setia pada parti, itu yang penting,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyampaikan elaun sara hidup RM200 setiap seorang kepada 512 nelayan sekitar Seberang Perai Utara di Dewan Orang Ramai Bakau Tua, Penaga, dekat sini semalam.

Kerajaan Pusat memperuntukkan RM10 juta setahun bagi pemberian elaun kepada 4,552 nelayan di seluruh Pulau Pinang sejak 2008.

**Tindakan serta-merta**  
Abdullah mengulas pemben-

tukan jawatankuasa khas yang akan dipengerusikan Pengerusi Lembaga Disiplin UMNO, Tan Sri Tengku Ahmad Rithaudeen Tengku Ismail serta dianggotai beberapa anggota MT yang tidak berkepentingan, anggota Lembaga Disiplin dan wakil anggota setiap bahagian parti di seluruh negara.

Jawatankuasa itu yang akan diwujudkan selaras peruntukan fasal 10.15 perlembagaan UMNO turut bertanggungjawab memberi definisi terhadap perbuatan khianat dan sabotaj parti supaya setiap anggota jelas mengenai kesalahan terbabit.